

## PERPADUAN DAN PATRIOTISM DALAM KALANGAN PELAJAR KURSUS PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

(Unity and Patriotism Among Students of the Course 'Penghayatan Etika dan Peradaban')

\*Nor Hayati Fatmi Talib, PhD<sup>1</sup>, Hasani Ghazali<sup>2</sup>, Nor Wahida Dzalihu'zzabir<sup>3</sup>

Submitted: 14-Aug-2021  
Accepted: 22-Nov-2021  
Revised: 14-Dec-2021  
Published: 27-Dec-2021

<sup>1,2,3</sup>Jabatan Pengajian Am,  
Politeknik Nilai,  
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek,  
71760, Negeri Sembilan, Malaysia.

\*Corresponding author's email:  
[hayatifatmi.pns@celt.edu.my](mailto:hayatifatmi.pns@celt.edu.my)

### Abstrak

Perpaduan dan patriotism merupakan antara elemen utama dalam menjamin kesejahteraan hidup bernegara. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap perpaduan dan patriotism, melihat perbezaan persepsi berdasarkan jantina dan hubungan antara perpaduan dan patriotism dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus MPU21032 (Penghayatan Etika dan Peradaban). Seramai 240 daripada populasi 364 orang pelajar telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada Abdul Rahim & Siti Norashikin (2010) bagi aspek perpaduan dengan dan adaptasi daripada Ku Hasnita et al (2018) aspek patriotism. Instrumen ditadbir secara atas talian menggunakan aplikasi 'google form' dan dianalisis menggunakan aplikasi SPSS versi 23.0 secara deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati skor min keseluruhan 3.91 (SP=0.71) iaitu pada tahap sederhana tinggi bagi aspek tahap perpaduan dan skor min keseluruhan 4.33 (SP=0.52) iaitu pada tahap tinggi bagi aspek patriotism. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap perpaduan dan patriotism dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina. Terdapat hubungan yang sederhana dan berkadar terus antara perpaduan dan patriotism iaitu  $r=0.468$ ,  $p<0.000$  dengan kecerunan positif. Kedua-dua elemen ini perlu terus diterapkan dalam sistem pendidikan formal dan tidak formal bagi agar hasrat untuk hidup sejahtera dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dapat direalisasikan. Kajian lanjut dan berkala perlu dilakukan khasnya bagi menilai impak pelaksanaan kursus MPU21032 di peringkat politeknik dan secara umumnya menilai tahap perpaduan dan patriotism antara kaum di Malaysia.

**Kata Kunci:** Perpaduan, Patriotism, Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban

### Abstract

Unity and patriotism are among the key elements in ensuring the well-being of the nation. This study aimed to identify the level of unity and patriotism, look at differences in perceptions based on gender, and the relationship between unity and patriotism among students taking the MPU21032 ('Penghayatan Etika dan Peradaban') course. A total of 240 out of a population of 364 students were randomly selected as the study sample using a questionnaire adapted from Abdul Rahim & Siti Norashikin (2010) for aspects of unity with and adaptation from Ku Hasnita et al (2018) the aspects of patriotism. The instrument was administered online using 'google form' application and analyzed using SPSS version 23.0 application in a descriptive and inferential manner. The results of the study found that the overall mean score was 3.91 (SP = 0.71) which is at a moderately high level for the aspect of unity level and the overall mean score is 4.33 (SP = 0.52) which is at a high level for the aspect of patriotism. There was no significant difference in the level of unity and patriotism among students based on gender. There was a moderate and directly proportional relationship between unity and patriotism is  $r$

*= 0.468,  $p < 0.000$  with a positive gradient. These two elements must continue to be applied in the formal and non-formal education system so that the desire to live well in a multi-racial society can be realized. Further and periodic studies need to be done specially to assess the impact of the implementation of the MPU21032 course at the polytechnic level and in general to assess the level of unity and patriotism between the races in Malaysia.*

**Keywords:** *Unity, Patriotism, 'Penghayatan Etika dan Peradaban' Course*

## 1.0 PENDAHULUAN

Perpaduan dan patriotism merupakan elemen yang berkait rapat dengan kesejahteraan dan keharmonian sesebuah negara terutamanya negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, bangsa dan agama. Usaha pihak kerajaan dalam membina Negara bangsa akan dapat direalisasikan sekiranya semangat perpaduan dan patriotism dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia teguh dan menghapuskan sikap berprasangka antara individu yang berbeza kaum dan etnik (Baterah et. al, 2014).

Perpaduan merupakan satu proses penyatuan seluruh masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum bagi membentuk satu identiti nasional yang melambangkan perasaan cinta kepada negara dan bangga terhadap tanah air. (Ahmad Tarmizi et al, 2019). Perpaduan didefinisikan sebagai penggabungan, peleburan, persesuaian, kecocokan juga perihal berpadu mencapai sepakat atau bergabung menjadi satu (Kamus Dewan, Edisi Keempat). Dalam konteks ilmu kenegaraan perpaduan ini adalah masyarakat berbilang kaum di Malaysia bersatu hati, bermuafakat, berunding dalam segala hal bagi membentuk bangsa yang kuat. Ia juga merujuk kepada penyatuan kepelbagaian etnik dalam negara serta mengiktiraf kewujudan kepelbagaian ini (Abd Aziz et al, 2017). Elemen perpaduan ini sangat penting dalam konteks negara Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan latar belakang kepercayaan serta budaya.

Semangat perpaduan ini boleh ditingkatkan dengan cara mengintegrasikan kaum melalui falsafah dan pelaksanaan dasar, program, aktiviti dan sebagainya. Hal ini kerana sejarah telah membuktikan bahawa pelbagai isu berkaitan konflik perpaduan adalah disebabkan tiada percampuran dan kurang pendedahan berkaitan bangsa lain seperti Peristiwa 13 Mei 1969. Konflik perpaduan ini akhirnya membawa kepada pengisytiharan Rukun Negara sebagai ideologi kebangsaan, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan pemantapan terhadap dasar-dasar pendidikan kebangsaan bagi membentuk perpaduan yang kukuh dalam kalangan warganegara Malaysia (Rohaizatul Amni et al, 2013).

Patriotism bermaksud mempertahankan dan memperjuangkan tanah air manakala Patriotisme pula bermaksud fahaman, pegangan atau kepercayaan berkaitan dengan kecintaan dan kesetiaan dalam mempertahankan dan memperjuangkan tanah air (Nordin Kardi, 2003) Patriotisme bermaksud perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air (Kamus Dewan, Edisi Keempat). Patriotisme merupakan perasaan cintakan negara dan kesanggupan bекorban serta mempertahannya bukan sekadar aspek keselamatan, bahkan aspek ekonomi, politik, sosial, sukan, budaya dan pelbagai lagi. Semua keperluan masyarakat perlu dibangunkan bersama bagi membina negara bangsa, memiliki perasaan kepunyaan dan satu identiti (Mohd Hairul Anuar Razak et. al, 2013)

Patriotisme merupakan jati diri seorang rakyat kepada negara dan membantu meletakkan negaranya dalam kedudukan terbaik sebagaimana pandangan Totten, B. (1998) yang menyatakan bahawa semangat cintakan negara akan menjadikan semua institusi keluarga, pasukan, kumpulan, bangsa dan sebagainya dapat berfungsi dengan baik dan sebaliknya. Menurut Sarjit S. Gill et. al (2015), patriotisme

bukan sekadar perasaan dan semangat, namun ia juga merujuk kepada kesetiaan, keberanian, kedaulatan, kemerdekaan dan jati diri. Setiap warganegara perlu mempertahankan kemerdekaan yang dimiliki kerana memperolehinya bukan suatu yang mudah. Unsur-unsur sejarah memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai patriotisme di kalangan pelajar.

Perpaduan negara merupakan faktor yang perlu diberi keutamaan sesuai dengan konteks dan suasana masyarakat Malaysia yang terdiri daripada kepelbagaian kaum (Abdul Rahman et. al (2014). Faktor ini sangat penting kepada negara yang mempunyai kepelbagaian kumpulan etnik, kepercayaan agama, budaya dan pelbagai latar belakang demografi untuk hidup secara aman dan harmoni dalam satu negara Malaysia. Terdapat pelbagai usaha yang telah dilaksanakan terhadap masyarakat pelbagai kaum di Malaysia dalam memupuk perpaduan, antaranya melalui dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh negara seperti dasar ekonomi, pendidikan dan sosial (Hairul Anuar et. al, 2013).

Namun ada yang berpandangan bahawa dasar pendidikan perlu diutamakan dalam membina semangat patriotisme generasi muda yang akan menerajui negara pada masa akan datang. Menurut Nur Ayuni dan Amir Hassan (2019), institusi pendidikan merupakan agen sosialisasi yang sangat signifikan dalam membentuk semangat patriotisme dan perpaduan antara kaum di Malaysia. Selain itu, semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan penerimaan ilmu dan pendidikan berkaitan kenegaraan yang diterima di institusi pendidikan (Aziz et. al, 2014). Hal ini kerana pengurusan pendidikan di institusi pendidikan merupakan asas utama dalam menyediakan penerapan nilai perpaduan dalam jiwa masyarakat pelbagai kaum di Malaysia (Hussein et. al, 2015).

Untuk membina sebuah negara bangsa yang berdaulat pembinaan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya generasi muda perlu diberi perhatian yang penting. Semangat patriotisme yang tinggi adalah mempunyai perasaan cinta, bangga dan sedia berkorban untuk negara, menjaga kepentingan negara dan bangsa melebihi kepentingan diri (Hairul Anuar et. al, 2013; Fairbrother, 2005; David Archard, 1999). Penekanan terhadap penghayatan patriotisme bukan sahaja dalam kalangan bangsa Melayu, tetapi juga dalam kalangan bangsa Cina dan India sama ada lelaki dan wanita kerana ia penting untuk membentuk perpaduan bangsa. Menurut Hairul Anuar et. al (2013), bangsa Melayu mempunyai semangat patriotisme yang tinggi berbanding bangsa lain manakala dalam aspek jantina tidak menunjukkan perbezaan signifikan antara lelaki dan perempuan terhadap penghayatan patriotisme. Perpaduan dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, meraikan perbezaan dan mengintergrasikan budaya kaum-kaum dan etnik dengan fokus dan berstrategi akan dapat mencapai perpaduan dengan harmoni tanpa konflik. Nilai, cabaran dan peluang yang adil juga sering menjadi perbincangan dalam merealisasikan masyarakat Malaysia yang ke arah perpaduan yang jitu (Abd Hakim et. al, 2019)

Remaja merupakan aset dan harapan masa depan kelestarian negara, bakal pemimpin dan penggerak negara suatu hari nanti. Remaja perlu mengaplikasikan perpaduan dan menghayati patriotism dalam kehidupan mereka bermula daripada peringkat pengajian termasuklah di politeknik (Mohd Iskandar, 2017). Penerapan nilai perpaduan dan patriotisme dalam kalangan pelajar ini dapat direalisasikan dengan inisiatif kurikulum dan ko-kurikulum yang mereka ikuti di institusi pendidikan termasuk politeknik. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) berhasrat melalui pendidikan dapat melahirkan masyarakat yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani dengan menekankan nilai kepatuhan kepada agama dalam membentuk masyarakat yang bertanggungjawab memelihara kesejahteraan diri, keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Umumnya FPK berhasrat melahirkan

warganegara yang baik yang memiliki lima ciri antaranya mempercayai dan mematuhi Tuhan, mempunyai sahsiah yang tinggi, bersedia menyumbang kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara serta menjadi insan yang bertanggungjawab. Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) yang telah ditawarkan di politeknik merupakan platform bagi merealisasikan FPK, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) serta satu inisiatif dalam Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 membangun graduan secara holistik (Kementerian Pendidikan Tinggi 2016).

Kursus Matapelajaran Pengajian Umum ini merupakan kursus Mata pelajaran Wajib (MPW) yang perlu diikuti oleh semua pelajar politeknik dan merupakan pelengkap kepada kursus-kursus yang ditawarkan dalam program pengkhususan pelajar. Kursus MPU ini terbahagi kepada empat kelompok iaitu U1: Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah, U2: penguasaan kemahiran insaniah, U3: perluasan pengetahuan tentang Malaysia dan U4: kemahiran pengurusan masyarakat bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan ko-kurikulum (Garis panduan matapelajaran pengajian umum, edisi kedua, 2016). Bagi melahirkan pelajar yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan membina perpaduan yang kukuh dalam diri mereka, elemen penghayatan falsafah, nilai dan sejarah adalah penting untuk dikuasai. Melalui penawaran kursus MPU21032 Penghayatan Etika dan Peradaban kepada semua pelajar politeknik secara tidak langsung dapat memberi pengetahuan, pemahaman serta pendedahan kepada mereka akan nilai-nilai serta sejarah negara dan dapat dihayati sebagai warganegara yang cintakan negara.

Kandungan silibus bagi kursus ini dirangka bagi merealisasikan objektif menghasilkan pelajar yang mempunyai pengetahuan mengenai warisan dan sejarah negara serta memperlihatkan nilai-nilai murni dalam interaksi masyarakat. Topik-topik yang terkandung dalam kursus MPU21032 ini digubal mengikut kerangka hasil pembelajaran yang telah ditetapkan dalam kursus MPU kelompok U1 iaitu:

- a) Melahirkan pelajar yang dapat membina hubungan dan interaksi sosial dalam konteks kepelbagaian masyarakat,
  - b) Membina kesedaran jati diri kebangsaan dan kesukarelaan ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab
  - c) Menghasilkan pelaporan bertulis dengan jelas dan sistematik serta membuat pembentangan lisan dengan yakin, jelas dan berkesan.
  - d) Menganalisis isu dan cabaran dalam konteks hidup bermasyarakat.
- (Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum edisi kedua, 2016)

Kursus MPU 21032 Penghayatan Etika dan Peradaban ini merupakan kursus yang bermatlamat menghasilkan pelajar yang dapat membina kesedaran jati diri kebangsaan dan menjadi warganegara yang bertanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara. Matlamat ini mengandungi unsur patriotisme iaitu sifat dan perasaan kesetiaan, rela berkorban, kesukarelaan dan cintakan bangsa dan negara yang perlu ditanam dalam jiwa pelajar. Melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan peranan pensyarah memahami dan menjiwai peranan sebagai warganegara yang bersifat patriotik. Peranan pendidikan dalam meningkatkan penghayatan semangat patriotisme dan pengukuhan perpaduan ini, banyak ditekankan oleh kajian lepas seperti Saifuddin Abdullah (2005) iaitu penekanan kepada ilmu dan kaedah penyampaiannya merupakan faktor peningkatan penghayatan cinta kepada negara.

Elemen pendidikan adalah salah satu faktor penting dalam mencorak pemikiran serta mencipta ideologi masyarakat Malaysia berjiwa patriotik (Hairul Anuar et al, 2013). Selain itu, pendidikan sejarah yang mengandungi aspek pemupukan nilai-nilai patriotisme dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia merupakan satu kaedah membina ideologi perpaduan dan membentuk jatidiri yang

baik dalam kalangan generasi muda (Ahmad Ali, 2009). Menurut Bateriah Alias et al (2014), faktor perbezaan agama, budaya serta jurang ekonomi merupakan cabaran masyarakat Malaysia dalam mencapai perpaduan. Penekanan kepada mengaplikasikan hubungan etnik menurut Islam yang mementingkan keharmonian dan toleransi tanpa melihat perbezaan kaum dan kelestian kesejagatan kehidupan masyarakat.

Berdasarkan kepada peranan besar elemen pendidikan ini, maka topik yang terkandung dalam kursus MPU21032 ini digubal bertujuan untuk mencapai hasrat tersebut. Di dalam kursus ini, pelajar dapat mendalami konsep penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia, menghayati pemantapan kesepaduan nasional dalam konteks masyarakat kepelbagaian, memahami dan mentaati keluhuran perlembagaan negara dan cara menghadapi cabaran semasa berkaitan isu masyarakat multikultural di Malaysia (Silibus MPU21032 JPPKK, 2019). Melalui kefahaman terhadap sejarah warisan dan kebudayaan bangsa yang lalu penting dalam membina sikap patriotik dalam diri pelajar.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Hasrat perpaduan dan wujudnya penghayatan nilai patriotisme telah dimenifestasikan dalam pelbagai bidang dan lapangan dengan pelbagai aktiviti, kempen dan inisiatif. Namun, realiti yang ada masih terdapat isu perpaduan dan kurang penghayatan nilai perpaduan menurut kajian Fauziah et al (2018) mendapati semangat perpaduan dalam kalangan remaja adalah sederhana manakala kajian Aziz et al (2014) mendapati semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan generasi muda kian pudar dan terhakis. Keadaan ini berlaku disebabkan pengaruh global yang lebih diberi perhatian oleh golongan remaja berbanding isu-isu kenegaraan (Fauziah, et. al, 2018).

Situasi ini amat membimbangkan negara kerana ia melibatkan generasi muda yang menjadi aset dalam mendokong aspirasi negara pada masa hadapan. Berdasarkan kepada kata-kata Saidina Ali R.A menyatakan kepentingan golongan muda dalam mencorakkan masa depan negara iaitu "Jika kamu melihat masa depan negara, lihatlah pemuda pemudinya hari ini". Jika penghayatan patriotisme generasi muda ini hilang ia akan memberi impak yang besar dalam terhadap negara dan kedaulatannya. Keadaan ini lebih membimbangkan apabila tahap penghayatan patriotisme ini dikaitkan dengan mahasiswa sebagai golongan yang terpelajar dan berpendidikan tinggi kurang menghayati semangat ini (Ku Hasnita et al, 2018). Menurut Ku Hasnita et al (2018) lagi, kegagalan golongan mahasiswa mempamerkan semangat patriotisme tahap paling maksimum memberi kesan kepada nilai kesetiaan kepada negara.

Kajian Aziz Ujang et. al (2014) mengetengahkan bahawa tahap kesedaran patriotisme di kalangan generasi muda adalah rendah iaitu 66.5%. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Ridhuan Tee (2010) pula mendapati semangat perkauman di Malaysia ini amat menebal yang disemai melalui agen-agen sejarah, pendidikan, media, politik dan budaya. Elemen-elemen ini akhirnya melahirkan generasi yang hanya memperjuangkan kaum sendiri dan kepentingan masing-masing.

Realitinya, sentimen perkauman masih mencengkam masyarakat kepelbagaian di Malaysia yang menjadi halangan bagi mencapai perpaduan dan nilai patriotisme dalam kalangan anak watan. Mahasiswa perlu mempamerkan semangat patriotisme yang utuh dan berada pada tahap yang maksimum. Perkara ini amat penting kerana mahasiswa merupakan aset negara yang menjadi pemangkin kepada kelangsungan keamanan dan kesejahteraan negara pada masa kan datang. Hasil kajian mendapati semangat patriotisme di kalangan remaja

kurang memberangsangkan akan memberi kesan kepada nilai kesetiaan dan kecintaan kepada negara (Ku Hasnita et. al, 2018)

Masalah perpaduan di kalangan pelajar akan memberi kesan jangka masa panjang kepada keharmonian negara. Sekolah dan institusi pengajian merupakan medan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar melalui pendidikan dalam kelas, luar kelas dan program-program yang dilaksanakan. Namun begitu, menerusi kajian yang melibatkan 22 responden terdiri daripada pentadbir, guru dan pelajar membuktikan masalah perpaduan masih berlaku apabila menunjukkan hubungan di antara kaum tidak mesra kerana penggunaan bahasa yang berbeza dan kekurangan melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan (Nur Ayuni Nusaibah & Amir Hasan Dawi, 2019)

Pelajar politeknik juga merupakan generasi muda yang menyumbangkan tenaga dan bakti kepada negara pada masa hadapan. Sumbangan ini bukan sahaja berdasarkan bidang kepakaran mereka tetapi kesedaran terhadap isu-isu kenegaraan juga penting untuk dihayati. Berkualitinya generasi muda masa kini bermakna berkualitilah masa depan negara. Rosaknya generasi muda masa kini bermakna pincanglah masa depan negara.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya dijalankan untuk melihat tahap perpaduan dan patriotism dalam kalangan pelajar berbilang kaum semester satu yang mengambil kursus teras Penghayatan Etika dan Peradaban MPU21032. Secara khususnya kajian ini bertujuan:

- a) Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap tahap perpaduan dan patriotism dalam kalangan pelajar kursus MPU21032
- b) Mengenal pasti perbezaan persepsi tahap perpaduan dan patriotism dalam kalangan pelajar kursus MPU21032 berdasarkan jantina
- c) Melihat hubungan antara tahap perpaduan dengan nilai patriotism dalam kalangan pelajar kursus MPU21032

### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini dijalankan dalam kalangan 240 orang pelajar semester satu daripada populasi 364 orang pelajar sesi Disember 2019 di Politeknik Nilai (PNS), Negeri Sembilan. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik adaptasi daripada Abdul Rahim & Siti Norashikin (2010) bagi aspek perpaduan dengan nilai Alpha 0.925 iaitu mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Bagi aspek patriotism mempunyai nilai Alpha 0.926 juga mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Soal selidik pula menggunakan instrumen adaptasi daripada Ku Hasnita et al (2018) dengan nilai alpha kerana ia mudah ditadbir, mendapat maklumbalas dan respon sampel kajian kerana cadangan jawapan telah disediakan sebagaimana pandangan Mohd. Majid (2000).

Jadual 1: Tahap Kebolehpercayaan Instrumen

| Konstruk    | Cronbach's Alpha | Bilangan Item |
|-------------|------------------|---------------|
| Perpaduan   | 0.925            | 10            |
| Patriotisme | 0.926            | 13            |

Instrumen soal selidik terdiri daripada 3 bahagian iaitu Bahagian A Demografi, Bahagian B bagi aspek perpaduan manakala Bahagian C bagi aspek patriotisme. Instrumen menggunakan skala Likert persetujuan iaitu nilai 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Kurang setuju), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju). Instrumen Soal selidik

telah ditadbir secara atas talian oleh semua pensyarah kursus MPU21032 menggunakan aplikasi 'google form' bagi mengumpulkan data kajian. Data dianalisis menggunakan aplikasi SPSS versi 23.0 secara deskriptif iaitu frekuensi, skor min (SM) dan sisihan piawai (SP) serta inferensi menggunakan ujian T dan korelasi Pearson. Data deskriptif diinterpretasi menggunakan skala interpretasi Nunally (1978) dan Azhar (2006) seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Skala Interpretasi Skor Min

| Skor Min   | Interpretasi     |
|------------|------------------|
| 1.00 –2.00 | Rendah           |
| 2.01 –3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 –4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 –5.00 | Tinggi           |

Skala Kekuatan Hubungan oleh Cohen, Manion dan Marrison (2011) seperti ditunjukkan Jadual 3:

Jadual 3: Kekuatan hubungan mengikut nilai pekali korelasi

| Saiz Pekali Korelasi(r) | Kekuatan Korelasi |
|-------------------------|-------------------|
| ±.81 hingga 1.00        | Sangat Kuat       |
| ±.51 hingga .80         | Kuat              |
| ±.31 hingga .50         | Sederhana         |
| ±.21 hingga .30         | Lemah             |
| ±.01 hingga .20         | Sangat lemah      |

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

### 5.1 Demografi Sampel Kajian

Sampel kajian kebanyakannya perempuan iaitu 144 orang (60%) berbanding pelajar lelaki 96 orang (40%). 7 daripada 8 program pengajian memberikan maklumbalas kajian dan didapati 62 orang (25.8%) dari kelas DLS, diikuti dengan DIB seramai 47 orang (19.6%), DBS seramai 38 orang (15.8%) dan seterusnya. Jabatan Perdagangan (JP) paling ramai memberikan maklumbalas iaitu 182 orang (75.8%).

Atas faktor instrumen ditadbir atas talian juga sukar mengawal maklumbalas yang diterima menyebabkan berlakunya hanya terdapat 1 maklumbalas diterima dari program pengajian DKM sekaligus menjadi maklumbalas kepada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM). Jadual 4 berikut memperincikan dapatan demografi kajian ini:

Jadual 4: Demografi Sampel Kajian

| DEMOGRAFI         | KEKERAPAN (N=240) | PERATUS |
|-------------------|-------------------|---------|
| Jantina           |                   |         |
| Lelaki            | 96                | 40%     |
| Perempuan         | 144               | 60%     |
| Program Pengajian |                   |         |
| DIB               | 47                | 19.6%   |
| DLS               | 62                | 25.8%   |
| DRM               | 37                | 15.4%   |
| DBS               | 38                | 15.8%   |
| DLH               | 31                | 12.9%   |
| DBT               | 24                | 10.0%   |
| DKM               | 1                 | 0.4%    |
| DEM               | -                 | -       |
| Jabatan Pengajian |                   |         |
| JKM               | 1                 | 0.4%    |

|     |     |       |
|-----|-----|-------|
| JP  | 182 | 75.8% |
| JAB | 57  | 23.8% |

Sumber: Data Lapangan

### 5.2 Analisis Deskriptif Persepsi Pelajar tentang Perpaduan Kaum

Dapatan kajian yang diperoleh dipaparkan dalam Jadual 5 berikut bagi menjawab objektif kajian pertama iaitu persepsi pelajar terhadap tahap perpaduan dalam kalangan pelajar kursus MPU 21032. Analisis keseluruhan

Jadual 5: Taburan Skor Min dan Sishan Piawai bagi Persepsi Pelajar tentang Perpaduan Kaum

| Item               | Kenyataan  | Kekerapan (N=240) |            |            |             |            | SM   | SP   | THP |
|--------------------|--|-------------------|------------|------------|-------------|------------|------|------|-----|
|                    |  | STS 1             | TS 2       | KS 3       | S 4         | SS 5       |      |      |     |
| B1                 | Saya gemar melakukan kerja dalam kumpulan yang berlainan kaum            |                   | 8<br>3.3   | 70<br>29.2 | 86<br>35.8  | 76<br>31.7 | 3.96 | 0.86 | ST  |
| B2                 | Saya gemar bertanya soalan kepada pelajar berlainan kaum                 |                   | 12<br>5.0  | 64<br>26.7 | 93<br>38.8  | 71<br>29.6 | 3.93 | 0.87 | ST  |
| B3                 | Saya tidak kekok bergaul dengan pelajar berlainan kaum                   | 7<br>2.9          | 12<br>5.0  | 41<br>17.1 | 91<br>37.9  | 89<br>37.1 | 4.01 | 1.00 | T   |
| B4                 | Kumpulan belajar saya terdiri daripada kaum yang pelbagai                | 4<br>1.7          | 21<br>8.8  | 78<br>32.5 | 67<br>27.9  | 70<br>29.2 | 3.74 | 1.02 | ST  |
| B5                 | Saya melakukan aktiviti dengan pelajar berlainan kaum                    | 2<br>0.8          | 18<br>7.5  | 63<br>26.3 | 78<br>32.5  | 79<br>32.9 | 3.89 | 0.97 | ST  |
| B6                 | Saya menerima pendapat daripada pelajar kaum yang lain                   | 1<br>0.4          | 8<br>3.3   | 51<br>21.3 | 107<br>44.6 | 73<br>30.4 | 4.01 | 0.83 | T   |
| B7                 | Saya sentiasa mengadakan perbincangan pembelajaran dengan kaum yang lain | 1<br>0.4          | 29<br>12.1 | 68<br>28.3 | 86<br>35.8  | 56<br>23.3 | 3.70 | 0.97 | ST  |
| B8                 | Saya mudah mesra bergaul dengan pelajar berlainan kaum                   | 3<br>1.3          | 11<br>4.6  | 54<br>22.5 | 86<br>35.8  | 86<br>35.8 | 4.00 | 0.93 | ST  |
| B9                 | Pelajar dari kaum yang lain memberi kerjasama semasa belajar             | 3<br>1.3          | 11<br>4.6  | 66<br>27.5 | 82<br>34.2  | 78<br>32.5 | 3.92 | 0.94 | ST  |
| B10                | Saya gemar berkongsi ilmu dengan pelajar berlainan kaum                  |                   | 9<br>3.8   | 62<br>25.8 | 96<br>40.0  | 73<br>30.4 | 3.97 | 0.84 | ST  |
| <b>KESELURUHAN</b> |  |                   |            |            |             |            | 3.91 | 0.71 | ST  |

Sumber: Data Lapangan

Berdasarkan Jadual 5, dapatan analisis menunjukkan bahawa daripada keseluruhan 10 item berkaitan dengan perpaduan, 2 item berada pada tahap tinggi dan 8 item berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min keseluruhan 3.91 (SP=0.71) iaitu pada tahap sederhana tinggi. Skor Min tertinggi adalah bagi item B3 iaitu 'Saya tidak kekok bergaul dengan pelajar berlainan kaum' dengan skor min 4.01 (SP=0.73) dan item B6 iaitu 'Saya menerima pendapat daripada pelajar kaum yang lain' dengan skor min 4.01 (SP=0.83). Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang baik terhadap aspek perpaduan. Jumlah maklumbalas lebih tinggi pada persetujuan berbanding tidak setuju.

### 5.3 Analisis Deskriptif Persepsi Pelajar tentang Patriotisme

Jadual6: Taburan Skor Min dan Sishan Piawa ibagi Persepsi Pelajar Tentang Patriotisme

| Item | Kenyataan   | Kekerapan (N=240) |      |            |            |             | SM   | SP   | THP |
|------|---|-------------------|------|------------|------------|-------------|------|------|-----|
|      |   | STS 1             | TS 2 | KS 3       | S 4        | SS 5        |      |      |     |
| C1   | Untuk mencapai matlamat hidup, saya perlu berfikir secara menyeluruh untuk diri, keluarga dan negara saya |                   |      | 16<br>6.7  | 71<br>29.6 | 153<br>63.7 | 4.57 | 0.61 | T   |
| C2   | Jika saya tamat pengajian, saya akan rasa bahawa hidup saya   |                   |      | 27<br>11.3 | 99<br>41.3 | 114<br>47.5 | 4.36 | 0.67 | T   |

|             |   |          |            |             |             |      |      |   |  |
|-------------|---|----------|------------|-------------|-------------|------|------|---|--|
|             | sangat berguna untuk berkhidmat kepada negara   |          |            |             |             |      |      |   |  |
| C3          | Dalam memikirkan tentang kehidupan saya sebagai seorang rakyat Malaysia, saya sentiasa melihat kebaikan disebalik kelahiran saya sebagai seorang warganegara Malaysia | 1<br>0.4 | 35<br>14.6 | 88<br>36.7  | 116<br>48.3 | 4.33 | 0.73 | T |  |
| C4          | Apabila saya cuba mencari kaitan kehidupan saya dengan suasana semasa di negara saya, ia amat bermakna untuk hidup saya   | 1<br>0.4 | 34<br>14.2 | 104<br>43.3 | 101<br>42.1 | 4.27 | 0.71 | T |  |
| C5          | Saya seorang yang sangat bertanggungjawab   | 6<br>2.5 | 48<br>20.0 | 112<br>46.7 | 74<br>30.8  | 4.06 | 0.77 | T |  |
| C6          | Saya menganggap keupayaan saya untuk hidup sebagai warganegara Malaysia yang baik adalah sesuatu yang memang mampu untuk dicapai                                      | 2<br>0.8 | 28<br>11.7 | 100<br>41.7 | 110<br>45.8 | 4.33 | 0.71 | T |  |
| C7          | Mencari identiti sebagai rakyat Malaysia merupakan suatu keinginan saya yang kuat   | 4<br>1.7 | 35<br>14.6 | 107<br>44.6 | 94<br>39.2  | 4.21 | 0.74 | T |  |
| C8          | Untuk menjadi pencetus kepada perubahan, saya bersedia dan tidak takut menghadapi apa-apa kesan   | 6<br>2.5 | 57<br>23.8 | 97<br>40.4  | 80<br>33.3  | 4.05 | 0.81 | T |  |
| C9          | Saya ingin diri saya menjadi seorang yang mempunyai motivasi tinggi   | 3<br>1.3 | 25<br>10.4 | 83<br>34.6  | 129<br>53.8 | 4.41 | 0.72 | T |  |
| C10         | Dalam mencapai sesuatu yang saya inginkan, saya seorang yang mempunyai keazaman yang tinggi   | 3<br>1.3 | 37<br>15.4 | 105<br>43.8 | 95<br>39.6  | 4.22 | 0.74 | T |  |
| C11         | Jika saya boleh memilih, saya akan mengubah hidup saya sebelum ini supaya menjadi lebih baik  | 1<br>0.4 | 16<br>6.7  | 64<br>26.7  | 159<br>66.3 | 4.58 | 0.65 | T |  |
| C12         | Untuk mendapat kedudukan yang lebih baik bagi kehidupan saya selepas tamat pengajian adalah keinginan yang saya sentiasa impikan                                      | 1<br>0.4 | 20<br>8.3  | 86<br>35.8  | 133<br>55.4 | 4.46 | 0.68 | T |  |
| C13         | Untuk mencapai sesuatu yang saya ingini, saya akan mengatur strategi bagaimana untuk memperolehnya  |          | 18<br>7.5  | 94<br>39.2  | 128<br>53.3 | 4.46 | 0.63 | T |  |
| KESELURUHAN |   |          |            |             |             | 4.33 | 0.52 | T |  |

Sumber: Data Lapangan

Berdasarkan Jadual 6, dapatan analisis menunjukkan bahawa keseluruhan 13 item berkaitan patriotism berada pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan 4.33 (SP=0.52). Skor min tertinggi adalah bagi item C11 iaitu 'Jika saya boleh memilih, saya akan mengubah hidup saya sebelum ini supaya menjadi lebih baik' dengan skor min 4.58 (SP=0.65) dan skor min terendah adalah bagi item C8 iaitu 'Untuk menjadi pencetus kepada perubahan, saya bersedia dan tidak takut menghadapi apa-apa kesan' dengan skor min 4.05 (SP=0.81) tetapi masih berada pada tahap tinggi.

#### 5.4 Perbezaan Persepsi Tahap Perpaduan dan Patriotism Berdasarkan Jantina

Bagi melihat perbezaan persepsi tahap perpaduan dan patriotism berdasarkan jantina, ujian T telah dijalankan dan dapat dipaparkan dalam Jadual 7 berikut:

Jadual 7: Perbezaan Persepsi Tahap Perpaduan dan Patriotism Berdasarkan Jantina

| Konstruk  | Jantina   | N   | Mean  | SP    | t-Value | df  | Sig.  |
|-----------|-----------|-----|-------|-------|---------|-----|-------|
| Perpaduan | Lelaki    | 96  | 3.911 | 0.712 | -.040   | 238 | 0.968 |
|           | Perempuan | 144 | 3.915 | 0.725 |         |     |       |

|            |           |     |       |       |       |     |       |
|------------|-----------|-----|-------|-------|-------|-----|-------|
| Patriotism | Lelaki    | 96  | 4.210 | 0.477 | 1.497 | 238 | 0.136 |
|            | Perempuan | 144 | 4.119 | 0.450 |       |     |       |

Sumber: Data Lapangan

Keputusan Ujian T berdasarkan Jadual 7 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap perpaduan dan patriotism dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina.

### 5.5 Hubungan antara Tahap Perpaduan dan Patriotisme dalam Kalangan Pelajar

Hasil analisis inferensi Kolerasi Pearson digunakan untuk menjawab persoalan kajian 4 iaitu melihat hubungan antara tahap perpaduan dengan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar kursus MPU21032.

Jadual 8: Hubungan antara Perpaduan dan Patriotisme dalam Kalangan Pelajar

| Pelajar (N=240)         | r       | Sig. P |
|-------------------------|---------|--------|
| Perpaduan * Patriotisme | 0.468** | 0.000  |

\*\*Korelasi adalah signifikan pada aras  $p < 0.01$

Sumber: Data Lapangan

Jadual 8 menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana menurut skala kekuatan hubungan oleh Cohen, Manion dan Marrison (2011) antara perpaduan dan patriotism iaitu  $r = 0.468$ ,  $p < 0.000$  dengan kecerunan positif menunjukkan hubungan keduanya adalah berkadar terus. Analisis ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara perpaduan dan patriotism. Nilai perpaduan dan nilai patriotism adalah nilai yang perlu dibangunkan secara bersekali kerana elemen inisaling berkaitan antara satu sama lain.

## 6.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

Pelaksanaan kursus teras Penghayatan Etika dan Peradaban kod MPU21032 ketika pelajar di semester satu dalam program pengajian telah memberikan ruang yang cukup untuk membangunkan nilai-nilai perpaduan dan patriotism dalam kalangan pelajar sepanjang berada dalam sistem pengajian politeknik. Cabaran ini perlu digalas bersama merentasi kurikulum agar lepasan politeknik mempunyai nilai kualiti terbaik dalam memaju pembangunan negara dalam pelbagai bidang dan lapangan.

Dapatan Kajian ini memperlihatkan impak pelaksanaan kursus ini dalam kalangan pelajar selain daripada data pencapaian pelajar dalam Penilaian Berterusan. Kajian ini diharap memberikan input mengukur kualiti produk yang dihasilkan serta bagi menambahbaik pelaksanaan kursus ini agar lebih berupaya membangunkan pelajar yang menghayati perpaduan dan memiliki nilai patriotisme yang tinggi sebagaimana tujuan penawaran kursus ini di Intitusi Pengajian Tinggi, hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dan hasrat negara tercinta Malaysia.

Aktiviti membangunkan perpaduan dan patriotism pelajar boleh dimasukkan dalam aktiviti-aktiviti sama ada di bilik kuliah atau di luar bilik kuliah, aktiviti akademik atau buka akademik, aktiviti formal dan bukan formal kerana pembangunan nilai perpaduan dan patriotism bukan perkara yang boleh diwarisi tetapi mesti dibina dan dibangunkan. Elemen perpaduan dan patriotism adalah saling berkait antara satu sama lain dimana jika cintakan negara dan inginkan keharmonian bernegara antara elemen utamanya adalah perpaduan. Sekiranya rakyat saling membahu dan bersatu padu bermakna rakyat sayangkan negaranya dan ingin hidup dalam keharmonian dan kesejahteraan.

## 7.0 RUJUKAN

Al-Quran

- Abd Hakim Mohad, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Aiedah Abdul Khalek, Jill Sarjit G., Ahmad Tarmizi Talib. 2019. Penerapan Elemen Perpaduan Nasional dalam Program NGO di Sabah: Satu Tinjauan Awal, *Jurnal Perpaduan* 2019, Institut Kajian dan latihan Intergrasi Nasional.
- Abdul Rahim, H. & Siti Norashikin, M. 2010. Tahap Perpaduan Pelajar Pelbagai Kaum dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Dimuat turun daripada [http://eprints.utm.my/id/eprint/10727/1/Tahap\\_Perpaduan\\_Pelajar\\_Pelbagai\\_Kaum\\_Dalam\\_Mata\\_Pelajaran\\_Kemahiran\\_Hidup\\_Bersepadu.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/10727/1/Tahap_Perpaduan_Pelajar_Pelbagai_Kaum_Dalam_Mata_Pelajaran_Kemahiran_Hidup_Bersepadu.pdf)
- Abdul Rahman, Hussein Ahmad, Sufean Hussin, Simin, G., Mohammed Sani. 2014. Analisis Strategik: Dasar Pendidikan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Ali Seman. 2009. Pemupukan Patriotisme Melalui Pendidikan Multikultural Dalam Pendidikan Sejarah di Malaysia, *Lentera (Jurnal Ilmu-ilmu Sejarah, Budaya dan Sosial* 1 (02) 28-49, Program Studi Pendidikan Sejarah FKIP Universitas Riau.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran dan Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Ph. D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz Ujang, Jamaluddin Md Jahi, Kadir Arifin & Kadaruddin Aiyub. 2014. Kesedaran Generasi Muda terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia, *International Journal of The Malay World and Civilisation* 2 (2), 31-39, Univesiti Kebangsaan Malaysia.
- Baterah Alias, Huzaimah Ismail & Che Zarina Sa'ari. 2014. Perpaduan Kaum di Malaysia: Suatu Penilaian, *TeSSHI 2014 / eProceedings*
- Buku Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya, Malaysia.
- Cohen, L., Manion, L., & Marrison, K. 2011. *Research Methods in Education* (7th ed.). New York, USA: Routledge Taylor & Francis Group.
- Hussein Ahmad & Haneza Ab. Hamid. 2015. Pengurusan Pembangunan Konsep Perpaduan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Kajian di Klang, Selangor, *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Oktober 2015, Bil. 2, Isu 4, Universiti Malaya.
- Ku Hasnita Ku Samsu, Zatul Himmah Adnan, Ratna Roshida Ab Razak, Lee Yok Fee & Zarina Muhammad. 2018. Tahap Patriotisme Mahasiswa di Universiti Awam Malaysia, e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018, 23-24 April 2018. eISBN: 978-967-2122-46-3, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Hairul Anuar Razak, Jayum A. Jawan, Adlina Abd Halim, Mohd Mahadee Ismail & Siti Aishah Misri. 2013. Penghayatan dan Kesedaran Patriotisme dalam Kalangan Pelatih Program Latihan Khidmatnegara, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Vol 8 June, Institut Pembangunan Belia Negara.
- Mohd Iskandar Othman. (1 Disember 2017). Mahasiswa Aset Pembangunan Negara. *Sinar Online*. Dimuat turun daripada <http://www.sinarharian.com.my/mobile/kampus/mahasiswa-aset-pembangunannegara-1.764925>
- Mohd Majid Konting. 2000. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Cetakan Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2010. Tahap Patriotisme Mahasiswa di Universiti Awam, Malaysia, *Jurnal Hadhari* Bil. 3 (2010) 61-84, Uiversiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2013. Cabaran Integrasi antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan, Jurnal Hadhari Bil. 3 (2010) 61-84, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin Kardi. 2003. Konsep patriotisme. <http://www.btn.gov.my/kp>
- Nunnally, J. C. 1976. *Psychometric Theory*. New York: McGraw Hill Book Company. University Press.
- Nur Ayuni Nusaibah Husin & Amir Hasan Dawi. 2019. Peranan Sekolah dalam Pembentukan Perpaduan antara Kaum dalam Kalangan Pelajar, Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, Vol 12, ISSN 1394 -7176 (18-28), UPSI
- Razli Ahmad, Hanum Hassan & Azuddin Bahari. 2013. Persepsi Mahasiswa Terhadap Isu-Isu Perpaduan: Kajian ke Atas Pelajar-pelajar Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) Jurnal Personalia Pelajar 16 (2013): 15-24
- Rohaizatulamni Radzlan, Sarjit S. Gill & Ahmad Tarmizi Talib. 2013. Pemahaman dan Penghayatan Rukun Negara dalam Kalangan Belia Bandar di Semenanjung Malaysia, Malaysian Journal of Youth Studies, Vol 9 Dec, Institut Pembangunan Belia Negara.
- Sarjit S. Gill, Mohd Rahimi Ramli & Ahmad Tarmizi Talib. 2015. Kesedaran Patriotik dalam kalangan Belia Bandar di Semenanjung Malaysia, Jurnal Sosial Ilmu Politik Universitas Hasanuddin Vol. 1, No. 1, Juli 2015, Universiti Putra Malaysia.
- Suzy Aziziyana Saili, Rosila Bee Mohd Hussain & Khairulnizam Mat Karim. 2018. Dialog Antara Etnik Sebagai Platform Meningkatkan Hubungan Sosial dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Satu Tinjauan Awal, e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, 23-24 April 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Totten B. 1998. Patriotisme of Post War Japanese (Part 2). <http://www.billtotten.com>.